

JPS sedia RM1 juta bersih dua sungai

AYER KEROH: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka memperuntukkan RM1 juta untuk melaksanakan program membersihkan dan mengindahkan Sungai Putat dan Sungai Tasik Utama Ayer Keroh, dekat sini.

Pengarahnya, Gapar Asan, berkata projek bermula pada 2010 itu, antara lain bertujuan menyedarkan masyarakat bahawa pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak.

Katanya, jabatan itu memperuntukkan RM500,000 bagi tahun pertama pelaksanaan projek sebelum mengeluarkan jumlah sama bagi tahun berikutnya.

"Antara aktiviti yang dijalankan ialah gotong-royong membersihkan sekitar dua sungai ini dengan membabitkan penyertaan penduduk setempat. Program ini sejajar kempen cintailah sungai kita," katanya selepas majlis perasmian program Kesedaran Alam Sekitar

di Taman Persisiran Sungai Tasik Utama, dekat sini, semalam.

Majlis sempena Pesta Sungai Melaka 2012 itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Latiff Tamby Chik. Hadir sama, Ahli Parlimen Bukti Katil, Datuk Md Sirat Abu.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 100 orang itu, Latiff turut menanam pokok janda merana atau nama saintifiknya, 'Salix Babylonica' selain melepaskan anak ikan dan melemparkan ketulan bola lumpur ke dalam sungai sebagai simbolik semua pihak perlu menjaga dan mencegah daripada anasir pencemaran.

Latiff yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas berkata, sungai di taman rekreasi itu yang belum tercemar boleh dianggap daya tarikan utama kepada pelancong.



LATIFF (depan, dua dari kiri) melepaskan anak ikan ke sungai pada majlis perasmian program Kesedaran Alam Sekitar Sempena Pesta Sungai Melaka 2012 di Taman Persisiran Sungai Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka.